

ABSTRAK

Strategi Lautan Biru Kebangsaan di laksana untuk menyediakan program dan perkhidmatan yang berimpak tinggi, berkos rendah dan cepat dilaksanakan untuk mencapai matlamat transformasi negara. Lebih daripada 90 inisiatif NBOS telah berjaya dilaksanakan untuk menangani pelbagai isu sosial dan ekonomi. NBOS3 AADK dilaksanakan untuk membantu pelatih pulih daripada ketagihan melalui pendekatan terapi kerja. Pelatih terlibat mengusahakan tanah-tanah kerajaan. Antara projek pertanian yang diusahakan adalah penanaman *rock melon*, penanaman sayur, cili secara fertigasi, kelapa sawit serta penternakan kambing, lembu dan ikan keli. Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan program NBOS3 AADK dalam membantu klien AADK melalui konsep terapi kerja. Kajian menggunakan pendekatan campuran (kuantitatif dan kualitatif). Kaedah kuantitatif menggunakan soal selidik yang akan dibina dan diuji kesahan serta kebolehpercayaannya. Kaedah kualitatif pula melibatkan kaedah temubual mendalam dan perbincangan kumpulan berfokus. Kedua-dua kaedah kajian ini dijalankan secara serentak dengan menggunakan rekabentuk embedded. Seramai 78 orang pelatih terlibat dalam kajian ini dari 6 CCRC di seluruh negara, Hasil analisis ini menunjukkan bahawa pendekatan terapi kerja yang diberikan kepada golongan pelatih CCRC memberikan impak yang positif terhadap ketahanan diri, keyakinan diri, sikap terhadap kerja dan budaya kerja pelatih-pelatih ini. Kesimpulannya, terapi kerja adalah bersesuaian untuk membantu kepulihan klien semasa dalam rawatan. Klien mempamerkan potensi yang baik untuk melaksanakan program pertanian di dalam dan di luar program rawatan. Pelaksanaan program NBOS3 AADK boleh mencapai matlamatnya melalui kerjasama antara klien, pelaksana dan agensi kerajaan yang lain.

Kata kunci: CCRC, NBOS3, terapi kerja, kepulihan, ketahanan diri, keyakinan diri